



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)
(Malaysia Palm Oil Board)

MEMORANDUM

Kepada :	KETUA PENGARAH		
Melalui :	PENGARAH PELESENAN & PENGUATKUASAAN		
Daripada :	KETUA UNIT PELESENAN		
Perkara :	KELULUSAN PAPARAN DI DALAM WEB MPOB DAN SISTEM MYLESEN MPOB ULASAN UMUM CADANGAN PINDAAN GARIS PANDUAN AMALAN PERNIAGAAN BUAH KELAPA SAWIT MPOB SYARAT LESEN: PENIAGA BUAH KELAPA SAWIT (DF) DAN KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF)		
Rujukan kami:	Tarikh:	Rujukan tuan:	Tarikh:
(9)04/C/P/NKD/379-30	30 Ogos 2022		

Dengan segala hormatnya adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit MPOB telah diterbitkan kali pertama oleh MPOB pada tahun 2004. Garis Panduan ini disediakan sebagai amalan kepada kategori peniaga buah kelapa sawit berlesen yang terlibat dengan rantaian urusan buah kelapa sawit sama ada secara terus ke kilang buah kelapa sawit atau melalui peniaga buah kelapa sawit. Garis Panduan ini telah dikuatkuasa di dalam syarat-syarat bagi pemegang lesen dalam kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) dan Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005.

3. Selaras dengan perkembangan semasa industri sawit di Malaysia, adalah perlu garis panduan ini disemak semula bagi memastikan ianya mematuhi keperluan-keperluan semasa meliputi keperluan infrastruktur, pengurusan dan kawalan kualiti dalam menjalankan urusan buah kelapa sawit (FFB) bagi meningkatkan produktiviti.

4. Sehubungan itu, orang awam adalah dijemput untuk memberi ulasan terhadap cadangan pindaan 'Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit MPOB' bagi kategori peniaga buah kelapa sawit secara atas talian (*on-line*).


5. Dokumen cadangan pindaan 'Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit MPOB' akan dipaparkan dalam laman web MPOB dan Sistem My Lesen MPOB pada **2 September 2022 sehingga 8 September 2022**. Orang awam termasuk persatuan yang berkaitan iaitu Malaysian Palm Oil Association (MPOA), The Federation of Palm Oil Millers

Association (POMA), Malaysian Oil Palm Dealers Association (MOPDA) dan Sarawak Oil Palm Plantation Owners Association (SOPPOA) akan diberi masa selama 7 hari untuk memberi ulasan dan justifikasi menggunakan Borang Ulasan Umum terhadap cadangan yang dipaparkan.

6. Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan akan bertanggungjawab untuk memastikan semua ulasan yang diberikan akan dikumpul dan dikaji dengan teliti sebelum cadangan pindaan tersebut dimuktamadkan dan seterusnya diperakui oleh Jawatankuasa Penyelarasan, Pendaftaran dan Pelesenan (JPPP) dan diluluskan oleh Lembaga.

7. Sukacita dimajukan dokumen cadangan pindaan 'Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit MPOB' (Lampiran 1), surat Pelawaan Ulasan Umum (Lampiran 2) dan Borang Ulasan Umum (Lampiran 3) yang akan dipaparkan di laman web MPOB untuk pertimbangan dan kelulusan YBhg. Datuk Ketua Pengarah.

Sekian, terima kasih.

Lulus <input checked="" type="checkbox"/>	Tidak Lulus <input type="checkbox"/>	Catatan:
<p style="text-align: center;"> DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR Ketua Pengarah MPOB Tarikh: 1/9/22</p>		